



**PENGERUSI JAWATANKUASA  
KIRA-KIRA WANG NEGARA (PAC)  
MERANGKAP AHLI PARLIMEN ROMPIN**  
PEJABAT JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA  
PARLIMEN MALAYSIA, JALAN PARLIMEN  
50680 KUALA LUMPUR

Tel : 03-2601 7263 / 2698 6852 (DL)  
Faks : 03-2698 9218  
Email : [pacparlimen@parlimen.gov.my](mailto:pacparlimen@parlimen.gov.my)  
Laman Web : <http://www.parlimen.gov.my/pac>

1 November 2016

**Kenyataan Media YB Dato' Sri Hasan bin Arifin, Pengerusi Jawatankuasa Kira-Kira Wang Negara (PAC) Parlimen terhadap pembentangan Laporan PAC Berhubung Perkhidmatan 1BestariNet Di Bawah Kementerian Pendidikan Malaysia.**

- 1) Hari ini, PAC Parlimen membentangkan Laporan PAC berhubung Perkhidmatan 1BestariNet di bawah Kementerian Pendidikan Malaysia yang dilaporkan dalam Laporan Ketua Audit Negara (LKAN) Tahun 2013 Siri 3 (Aktiviti Kementerian/Jabatan dan Pengurusan Syarikat Kerajaan Persekutuan) dan dibentangkan di Parlimen pada 10 November 2014.
- 2) PAC Parlimen mengadakan prosiding mengenai isu ini, sebanyak tiga kali iaitu 17 Mac 2015, 8 April 2015 dan 16 Jun 2016 dengan antara saksi yang hadir bagi member keterangan di hadapan Jawatankuasa ini, termasuk dua Mantan Ketua Setiausaha Kementerian Pendidikan iaitu Tan Sri Madinah bt Mohamad dan Datuk Dr Rosli bin Mohamed; Mantan Ketua Setiausaha Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar, Dato' Sri Zool Azha bin Yusof; Ketua Pengarah Pelajaran Malaysia, Tan Sri Sri Dr Khair bin Mohamad; Mantan Ketua Pengarah Tanah dan Galian, Dato' Sri Azemi bin Kassim dan Mantan Ketua Pengarah Pelajaran Malaysia, Tan Sri Abdul Ghaffar bin Mahmud.
- 3) Dalam prosiding berkenaan, PAC meneliti isu-isu berikut:
  - i. penyambungan internet ke 4,176 tapak pengguna lewat disiapkan antara 12 hingga 439 hari dari tempoh pelaksanaan yang ditetapkan. Tiada lanjutan masa dan tidak dikenakan denda lewat;
  - ii. tahap penggunaan *Virtual Learning Environment* (VLE) oleh guru, murid dan ibu bapa adalah sangat rendah iaitu antara 0.01% - 4.69%;
  - iii. *Mini Network Operation Center* (MNOC) tidak beroperasi seperti *real time*;
  - iv. Tiada kelulusan teknikal JTICT oleh MAMPU dan KPM tidak melaksanakan *value management*. Jawatankuasa Pemandu Projek dan Jawatankuasa Teknikal Projek tidak diwujudkan di peringkat KPM;

- v. Kajian Keperluan Sekolah tidak dilaksanakan;
  - vi. Harga sewaan RM1,000 setahun bagi setiap tapak *1BestariNet Receiver Integrated System* (1BRIS) di seluruh negara adalah tidak munasabah;
  - vii. Perkhidmatan *hosting* tidak digunakan sepenuhnya;
  - viii. Perisian antivirus yang dibekalkan tidak digunakan. Manakala pengurusan perkhidmatan tapisan kandungan terhadap capaian internet dan pengurusan tampalan (*patch management*) tidak memuaskan;
  - ix. Perbelanjaan operasi Pejabat Pengurusan Projek sejumlah RM157,940 melebihi peruntukan yang ditetapkan; dan
  - x. Pembayaran Program Pengurusan Perubahan bagi 6 peserta kontraktor, 3 peserta FrogAsia, penginapan dan makan minum bagi ahli keluarga peserta dan tuntutan melebihi kelayakan pegawai Kerajaan yang menyalahi peraturan kewangan sedia ada.
- 4) Berdasarkan prosiding berkenaan, PAC Parlimen membuat rumusan bahawa:
- i. Isu yang berbangkit adalah berpunca daripada kelemahan pengurusan kontrak.
  - ii. PAC tidak boleh menerima alasan yang dikemukakan oleh pihak Kementerian Pendidikan Malaysia mengenai ketidaksedaran mengenai pekiling berhubung *Value Management Lab*.
- 5) Sehubungan itu, PAC Parlimen mengesyorkan kepada Kerajaan untuk:
- i. PAC memutuskan supaya Jabatan Audit Negara (JAN) melakukan audit susulan secara keseluruhan berhubung sama ada perkara-perkara yang dibangkitkan oleh pihak JAN dibuat retifikasi kerana banyak perbelanjaan kerajaan meragukan.
  - ii. Disamping itu juga, PAC mahu JAN melaksanakan kajian keberkesanan terhadap pelaksanaan projek 1BestariNet.
  - iii. PAC akan melakukan lawatan ke sekolah-sekolah bandar dan luar bandar.
  - iv. JAN diminta untuk meneliti semula dokumen perjanjian kontrak 1BestariNet bagi memastikan kepentingan Kerajaan dilindungi.